

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN

DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : BUKAN LISAN

**DARIPADA : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK
ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

TARIKH : 24.10.2016 (ISNIN)

NO. SOALAN : 342

**YB Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta
MENTERI PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI**
menyatakan langkah bagi memperkukuhkan industri halal dalam Komuniti
Ekonomi Asean (AEC).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Industri halal merupakan industri yang semakin mendapat perhatian dan mempunyai potensi yang tinggi untuk memacu pertumbuhan ekonomi di kalangan negara-negara anggota ASEAN. Dengan penduduk Islam dianggarkan berjumlah 240 juta daripada 620 juta penduduk ASEAN, pertambahan populasi kelas pertengahan di ASEAN akan menyebabkan permintaan terhadap produk halal meningkat dari semasa ke semasa.

2. Kesan daripada permintaan dan penawaran yang besar di pasaran global, beberapa negara ASEAN telah mengambil tindakan bagi mengembangkan industri halal di negara masing-masing termasuklah Filipina di daerah Mindanao, Thailand di wilayah Pattani dan Brunei. Kecenderungan negara ASEAN yang lain untuk membangunkan industri halal telah merancakkan lagi suasana pelaburan dan pasaran industri halal di rantau ini.

Tuan Yang Di Pertua,

3. Komuniti Ekonomi ASEAN (AEC) yang telah ditubuhkan pada 31 Disember 2015 merupakan salah satu tonggak utama ASEAN. AEC telah memasuki fasa kedua dalam usaha untuk meningkatkan integrasi ekonomi di rantau ini dan memastikan langkah-langkah akan terus diambil untuk menjadikan AEC terus berdaya saing termasuklah dalam industri halal.

4. Pada tahun 2015, nilai eksport industri halal Malaysia mencecah sebanyak RM39 bilion berbanding RM37 bilion pada tahun 2014. Walaupun nilai ini adalah kecil hanya sekitar 5% berbanding jumlah eksport negara, Kerajaan percaya bahawa industri halal mempunyai potensi sebagai salah satu eksport utama negara pada masa hadapan.

Tuan Yang Di Pertua,

5. Antara langkah-langkah yang telah diambil untuk mempromosikan industri halal di peringkat ASEAN termasuk melalui penganjuran misi perdagangan dan pelaburan ke negara-negara anggota ASEAN. Misi

seumpama ini akan dapat mempromosikan syarikat perusahaan kecil dan sederhana (PKS) Malaysia serta membuka peluang bagi produk dan perkhidmatan halal Malaysia untuk bersaing dan menembusi pasaran di negara ASEAN yang lain.

6. Kerajaan melalui Halal *Development Corporation* (HDC) telah menggalakkan usahawan tempatan untuk menyertai pameran-pameran halal antarabangsa sepanjang tahun. Antara pameran-pameran tersebut adalah *World Halal Gourmet Expo* di Singapura dan Thailand, *Halal Food Expo* di Australia, dan juga pameran-pameran halal antarabangsa yang lain di negara-negara rakan dialog ASEAN seperti Kesatuan Eropah, China dan Jepun. Pendedahan sebegini adalah penting kepada usahawan-usahawan tempatan untuk bersaing secara global di dalam industri ini. Selain itu, HDC selaku agensi peneraju industri halal di Malaysia turut mengadakan program kesedaran dan pembangunan kapasiti dalam bidang industri halal bagi memastikan maklumat dan kepakaran di antara negara-negara ASEAN dapat dimanfaatkan.

7. Penganjuran acara tahunan seperti pameran perdagangan dan persidangan *Malaysia International Halal Showcase* (MIHAS) dan *Incoming Buying Mission* (IBM) yang merupakan salah satu aktiviti di bawah MIHAS sejak tahun 2004 merupakan satu landasan untuk produk halal dari Malaysia menembusi pasaran antarabangsa. Negara-negara utama yang telah terlibat dengan MIHAS termasuklah China, Algeria, Indonesia, Thailand, India, Korea Selatan, Viet Nam, Jepun, Qatar dan Taiwan. Malaysia juga turut menganjurkan HALFEST iaitu sebuah ekspo produk halal keluaran PKS Malaysia. Ia merupakan salah satu usaha Kerajaan

dalam memaju dan memperkasakan pembangunan industri halal tempatan negara dan membuka peluang dan ruang kepada usahawan luar bandar bagi memperkenalkan dan memasarkan produk dan perkhidmatan mereka.

8. Selain itu, penjenamaan Logo Halal Malaysia merupakan salah satu usaha Malaysia ke arah menjadi Hub Halal Global menjelang 2020. Penjenamaan ini telah membuka peluang bagi produk dan perkhidmatan halal Malaysia untuk bersaing dan menembusi pasaran di negara ASEAN yang lain seperti Thailand, Vietnam dan Indonesia. Sebagaimana yang digariskan di bawah Pelan Tindakan AEC 2025, negara-negara di rantau ASEAN sentiasa berusaha untuk memastikan usaha-usaha dalam pengeluaran dan promosi produk makanan halal dapat ditingkatkan. Melalui konsep rantaian perdagangan global (*global value chain*) pula, produk-produk halal yang dihasilkan di rantau ini akan dieksport kepada rakan dagang ASEAN seperti China, Jepun, Kesatuan Eropah dan Amerika Syarikat.

9. Dalam menjadikan Malaysia sebagai sebuah Pusat Pengeluaran, Perdagangan dan Inovasi Halal, Kerajaan telah berjaya mewujudkan satu eko-sistem halal bagi pengeluaran produk dan perkhidmatan berkaitan halal termasuk Logistik Halal, Pelancongan Islam, Perbankan dan Kewangan Islam dan sebagainya. Selain itu, Malaysia juga menggalakkan penggunaan perkhidmatan kewangan dan pelaburan Islam dalam transaksi perniagaan halal dan Malaysia telah diiktiraf sebagai peneraju perbankan Islam di dunia. Usaha-usaha Kerajaan dalam mengembangkan industri halal di Malaysia telah mendapat pengiktirafan di peringkat global, dan

diharapkan akan dapat memanfaatkan rantau ini khususnya Komuniti Ekonomi ASEAN pada masa akan datang.

JAWAPAN SOALAN PERSIDANGAN DEWAN RAKYAT

**PERTANYAAN BERTULIS : TUAN NIK MOHAMAD ABDUH BIN
DARIPADA NIK ABDUL AZIZ [PASIR MAS]**

JAWAPAN OLEH Y.B. MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA

PERTANYAAN BERTULIS

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan statistik jumlah graduan institut perguruan dan ijazah sarjana muda pendidikan yang mengemukakan permohonan, dipanggil untuk menghadiri temuduga, dan ditawarkan pelantikan dan penempatan bagi tempoh 2013 hingga sekarang.

JAWAPAN

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

Bermula dari tahun 2013 hingga September 2016, semua graduan keluaran Institut Pendidikan Guru Malaysia dan Universiti Awam unjuran dan tajaan Kementerian Pendidikan Malaysia telah ditemu duga oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Pelajaran (SPP) dan telah ditawarkan penempatan. Peratusan graduan yang melapor diri dan ditempatkan bagi tempoh 2013 hingga September 2016 adalah sebanyak 97 peratus manakala baki tiga (3) peratus terdiri daripada graduan yang tidak diperaku oleh SPP, gagal temu duga dan menolak tawaran.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN
DARIPADA : NIK MOHAMAD ABDUH BIN NIK ABDUL AZIZ
SOALAN : NO. 344

Tuan Nik Mohamad Abduh bin Nik Abdul Aziz [Pasir Mas] minta **MENTERI PENDIDIKAN TINGGI** menyatakan statistik jumlah permohonan yang diterima, jumlah permohonan yang menepati Syarat Am Universiti dan Syarat Khas Program Pengajian dan jumlah pelajar yang ditawarkan tempat untuk mengikuti pengajian di Universiti Awam di negara ini bagi tempoh 2013 hingga sekarang.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan prinsip meritokrasi dengan mengguna pakai 90% markah akademik dan 10% markah kokurikulum, semua pemohon warganegara Malaysia yang layak dengan markah merit tertinggi tanpa mengira kaum, agama, negeri, taraf hidup dan tempat tinggal tidak dinafikan peluang untuk mengikuti pengajian di Universiti Awam (UA). Pemohon yang layak dan memenuhi Syarat Am Universiti, Syarat Khas Program Pengajian serta lain-lain kriteria pemilihan yang telah ditetapkan akan dipertimbangkan mengikuti pilihan program pengajian yang dipohon mengikut kelayakan, minat, cita-cita dan kecenderungan pemohon.

Pemilihan program pengajian oleh pemohon dan pemilihan UA juga menentukan kejayaan pemohon untuk mendapatkan tawaran. Tawaran program pengajian dan penempatan di UA tidak tertakluk kepada pencapaian akademik semata-mata, malah bergantung kepada susunan merit pemohon, proses saringan temuduga dan ujian khas yang dilaksanakan oleh UA bagi sesetengah program pengajian yang memerlukan tahap kompetensi pemohon.

Sepanjang tempoh lima (5) tahun iaitu dari tahun 2012 hingga 2016, terdapat peningkatan calon layak Syarat Am berbanding permohonan sebanyak 87.2% pada Sesi Akademik 2012/2013 dan terus meningkat hingga 91.2% pada Sesi Akademik

2016/2017. Daripada jumlah tersebut, purata calon yang berjaya ditawarkan tempat adalah sebanyak 69.7% bagi calon Lulusan STPM/ Matrikulasi/ Asasi bagi melanjutkan pengajian ke peringkat Ijazah Sarjana Muda.